

# **DANA PENGGERAK INDUSTRI BUKU NEGARA (DPIBN)**

## **1. PENGENALAN**

DPIBN merupakan dana yang diperuntukkan oleh kerajaan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka bagi membangunkan dan menyemarakkan industri penerbitan buku negara. Dana ini disediakan untuk membantu individu warganegara Malaysia yang memiliki syarikat pemilikan tunggal, penerbit bumiputera dan persatuan yang menjalankan kegiatan penerbitan buku dan pembangunan sumber manusia dalam industri perbukuan. Selain itu, dana ini juga dimanfaatkan untuk membiayai kegiatan pengurusannya.

## **2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENERBIT ATAU PERSATUAN**

- i. Mengemukakan permohonan.
- ii. Menyediakan manuskrip yang lengkap dan bersih (tiada kesalahan ejaan, tatabahasa dan fakta yang tepat) untuk diserahkan kepada urus setia DPIBN.
- iii. Menyediakan laporan penilaian manuskrip.
- iv. Melakukan penambahbaikan berdasarkan komen dan cadangan oleh Jawatankuasa DPIBN dan menyerahkannya kepada DBP dalam tempoh yang ditetapkan.
- iv. Menandatangani perjanjian dan disetemkan dokumen perjanjian tersebut.
- v. Memenuhi syarat-syarat yang telah dipersetujui dalam perjanjian.
- vi. Menyerahkan 10 naskhah buku yang diterbitkan kepada urus setia DPIBN.

## **3. SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN**

- i. Penerbit bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 010200 (bahan bacaan) dan Bahagian Kewangan dan Bekalan, DBP.
- ii. Individu warganegara Malaysia yang memiliki syarikat pemilikan tunggal.

- iii. Persatuan Penulis yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia.

# Para penerbit yang memenuhi tiga (3) syarat kelayakan permohonan di atas hendaklah menghantar manuskrip dalam bentuk salinan bercetak kepada DBP untuk dinilai dan dipertimbangkan pemberian dananya. **Pembiayaan akan diberikan kepada penerbit untuk kerja pembinaan judul (penyelidikan, penulisan, penilaian, penyuntingan) dan penyediaan ilustrasi. DPIBN tidak membiayai kos percetakan.**

#### 4. CARA MEMOHON

Borang permohonan DPIBN boleh dimuat turun daripada laman web [www.dbp.gov.my](http://www.dbp.gov.my). Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan. Sekiranya terdapat sebarang maklumat palsu dan unsur plagiat pada manuskrip yang hendak diterbitkan, Jawatankuasa DPIBN berhak untuk membatalkan permohonan tersebut. Keputusan Jawatankuasa DPIBN adalah muktamad.

<b>Permohonan DPIBN</b>
-------------------------

Permohonan hendaklah dihantar ke alamat:

Urus Setia,  
Dana Penggerak Industri Buku Negara (DPIBN),  
Bahagian Pengeluaran dan Penyelarasan Penerbitan,  
Aras 11, Menara DBP,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.

Nama/ nombor telefon: Encik Mohd Amran bin Daud (03-2147 9497)  
Puan Noraini binti Muhd. Ariffin (03- 2147 9510)

E-mel: [amran2@dbp.gov.my](mailto:amran2@dbp.gov.my)